

**NO. SOALAN : 22**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN JULIAN TAN KOK PING [ STAMPIN ]**

**TARIKH : 25 NOVEMBER 2015**

**RUJUKAN : 8402**

**SOALAN:**

**Tuan Julian Tan Kok Ping [ Stampin ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah biometrik sistem digunakan di sepanjang sempadan Sarawak-Kalimantan. Jumlah kos pembelanjaan serta pengendalian sistem tersebut. Senaraikan syarikat yang terlibat serta agensi Kerajaan manakah yang mempunyai akses terhadap data tersebut.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Yang Berhormat, Sistem Biometrik dilaksanakan penggunaannya di kesemua 14 pintu masuk sempadan di Sarawak. Sistem biometrik ini yang dinamakan *National Enforcement Registration System (NERS)* merupakan inisiatif Kerajaan yang menggunakan kaedah Kerjasama Awam Swasta (PPP) dalam usaha meningkatkan tahap pemeriksaan kawalan masuk selain memastikan sistem teknologi maklumat (IT) di Jabatan Imigresen Malaysia berjalan dengan lancar dan efektif.**

**Melalui pendekatan ini, NERS dibangunkan dalam bentuk konsesi di mana kos pembangunan dan penyelenggaraannya ditanggung oleh syarikat penyedia sistem (*system provider*).**

**Sistem biometrik ini dibangunkan oleh Syarikat Nexbis Sdn. Bhd. dan ianya boleh diakses oleh Polis DiRaja Malaysia untuk semakan maklumat tertentu.**